

10 NOV 1999

Mahathir-Kelantan

BN YAKIN TAWAN KELANTAN

PUTRAJAYA, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional akan dapat menawan Kelantan daripada PAS kerana rakyat negeri itu tidak akan memberi kepercayaan kepada PAS yang sanggup "membuang" prinsip dan perlembagaannya semata-mata untuk mendapatkan sokongan DAP.

Perdana Menteri berkata beliau berpendapat rakyat Kelantan sudah sedar bahawa PAS bukanlah parti yang boleh mereka berikan kepercayaan kerana perjuangannya bukanlah berasaskan kepada prinsip ataupun perlembagaannya tetapi hanya berasaskan kepada kepentingan untuk meraih undi semata-mata.

Bercakap pada satu persidangan media di Jabatan Perdana Menteri di sini selepas mengumumkan keputusannya untuk membubarkan parlimen esok, Dr Mahathir berkata PAS sanggup berbuat apa sahaja untuk mendapatkan sokongan terutamanya daripada DAP.

"Apa sajakun yang DAP nak, dia akan layan," katanya.

Beliau berkata Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang juga Mursyidul Am PAS seperti sudah "menggugurkan, mengoyak-ngoyak dan membuang" perlembagaan PAS dan berbuat sesuka hatinya.

"Jadi dia buat sesuka hati dia...dia boleh tawar itu, tawar ini...yang mana tak ada dalam perlembagaan dia pun dia boleh tawarkan," katanya pada persidangan media yang turut dihadiri pemimpin parti-parti komponen BN.

PAS yang memerintah kerajaan Kelantan sejak 1990 kini menguasai 26 kerusi negeri manakala BN 17 mempunyai kerusi. PAS juga memegang enam kerusi Parlimen dan BN lapan.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata beliau yakin BN akan dapat mengekalkan majoriti dua pertiga.

Ditanya sama ada pakatan empat parti pembangkang yang bergelar "Barisan Alternatif" akan memberikan cabaran kepada BN, Dr Mahathir secara berjenaka berkata: "Barisan Alternatif tidak wujud, Barisan Berpecah Alternatif wujud."

Beliau berkata keempat-empat parti pembangkang -- Parti Keadilan Nasional, PAS, DAP dan Parti Rakyat Malaysia -- yang kononnya mendirikan barisan itu sebenarnya tidak mempunyai persamaan pendapat.

"Mereka akan bercakaran...percalalah. Dan kalau mereka tidak puas hati dengan parti dalam barisan mereka, mereka akan cuba menjatuhkan calon parti itu," katanya.

Ditanya mengenai pembangkang menggunakan strategi "satu lawan satu", Perdana Menteri berkata walaupun kelihatannya seperti satu lawan satu tetapi beliau yakin akan berlaku sabotaj sesama mereka.

"Dia nampak macam satu lawan satu tapi dia akan ada sabotajlah. Mungkin dia letak calon lain, mungkin juga dia make sure bagi kalah rakan dia," katanya.

Mengenai kemungkinan kempen yang lebih agresif oleh pembangkang, Dr Mahathir meminta rakyat supaya bertenang dan jangan terbawa-bawa dengan cara-cara yang tidak diingini.

"Kerana mereka sedar mereka tidak mungkin menjadi kerajaan, (pembangkang) akan cuba menggagalkan pilihan raya ini dengan mengadakan rusuhan di sana sini. Mungkin mereka akan mengganas dan mencari jalan supaya kita tidak dapat mengadakan pilihan raya.

"Dan dengan itu mereka pula akan tuduh bahawa pilihan raya ini tidak adil, tidak dijalankan dengan baik...ini semua tuduhan kita sudah ramal, mereka akan buat tuduhan terutama mereka sudah tahu mereka akan kalah,"

katanya.

Ditanya sama ada janji-janji dalam manifesto Barisan Alternatif akan dapat memikat pengundi muda, Dr Mahathir berkata: "Mereka akan janjikan bulan, matahari dan segala-galanya kerana mereka tahu mereka akan kalah. Kita tidak membuat janjikan yang kita tidak dapat tunaikan."

Katanya rakyat perlu ingat bahawa parti lawan pernah berjanji akan memberikan jawatan timbalan menteri besar kepada Parti Melayu Semangat 46 sekiranya ia menang di Kelantan untuk menarik sokongan parti itu tetapi ia tidak menunaikannya setelah menang.

Menurutnya kerana itu Parti Melayu Semangat 46 kecewa dan tidak lagi mahu bersama-sama PAS tetapi telah menyertai UMNO semula.

Ketika ditanya sama ada beliau cuba mengelak daripada 650,000 pengundi baru yang hanya layak memilih awal tahun depan, Dr Mahathir berkata : "Tidak ada sebab saya mahu mengelak mereka. Mereka adalah pengundi, kita tidak mengelak daripada pengundi, kita berdepan dengan mereka setiap hari. Maka, kita tidak elak mereka."

Kepada soalan mengenai kehadiran pemerhati asing, Perdana Menteri berkata: "Kita tak pernah tahan pemerhati asing."

"Kita ada trial (perbincangan) di sini...terbuka...semua orang tengok, diplomat ada, meida asing ada, parti lawan ada, itu pun kata perbincangan tidak adil."

Dr Mahathir berkata pemerhati asing akan membuat komen mengikut selera mereka dan jika mereka tidak suka, mereka akan berkata pilihan raya ini tidak adil dan kalau mereka suka, mereka akan berkata ia adil.

"Tetapi yang penting bagi kita ialah kita akan berlaku adil dalam pilihan raya ini. Kita sentiasa berlaku adil.

"Jika tidak, seperti yang berlaku di negara-negara tertentu, pembangkang tidak boleh menang langsung. Tetapi di negara ini, pembangkang bukan saja boleh menang, tetapi sebenarnya boleh mengambil alih kerajaan negara ini...itulah ukuran tentang demokrasi kita," kata perdana menteri.

-- BERNAMA

KHY MAI